

06/04/2001

12 panel Eviap hadir mesyuarat pertama

CYBERJAYA, Khamis - Seramai 12 anggota Panel Penasihat Antarabangsa Perkampungan Seni Pintar (e-village) atau Eviap, menghadiri mesyuarat pertama di sini, mulai hari ini.

Mesyuarat tiga hari itu bertujuan membincangkan strategi bagi menarik pelaburan, pemindahan teknologi dan perkembangan industri kreatif tempatan yang menjadi komponen penting pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Mesyuarat di ibu pejabat Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) itu bermula pagi ini dengan sesi perbincangan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Turut hadir, Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Datuk Dr Othman Yeop Abdullah serta Pengarah dan Penerbit Filem, Datuk L Krishnan.

Antara panel penasihat antarabangsa yang menghadiri mesyuarat itu ialah Pengerusi Malaysia Wetlands Foundation, Tan Sri Razali Ismail; Penasihat Bebas dari Amerika Syarikat, Dr Khalid Abdullah Tariq Al-Mansour; Presiden Digital Studios Pte Ltd India, Padmashri K Balachander; Pengerusi Golden Harvest Entertainment Co Ltd, Raymond Chow; Presiden Vancouver Film School, James Griffin.

Presiden Centro Digital Pictures Hong Kong, John Chu; Ketua Eksekutif Pacific Film & TV Commission Australia, Robin Lawrence James; Presiden Kisho Kurokawa Architect & Associates Japan, Kisho Kurokawa; Perunding Botanic Enterprise Ltd United Kingdom, Prof David J Bellamy; Pengerusi Singapore Film Commission, Jennie Chua dan Pengarah Kanan Entertainment & Media Silicon Graphics USA, Shawn Underwood.

Dua panel Eviap yang tidak dapat hadir ialah Presiden Institusi Kesenian Jakarta, Slamet Rahardjo dan Dekan Cinema-Television University of Southern Carolina, Elizabeth Daley.

Petang ini, panel itu mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya sebelum melawat stesen penyiaran Astro di Bukit Jalil.

Moggie akan menghadiri perjumpaan itu sekali lagi esok dan seterusnya menutup mesyuarat berkenaan.

Baru-baru ini, Moggie berkata, mesyuarat itu akan memberi peluang kepada pengeluar kandungan dari syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta perfileman tempatan yang bergiat dalam pembangunan kandungan, bertukar pandangan dengan ahli panel yang menghadiri perjumpaan berkenaan.

Mereka akan berpeluang berbincang mengenai pelbagai bidang, termasuk hiburan, reka bentuk, teknologi dan industri kandungan kerana konsep Perkampungan Seni Pintar (E-village) merangkumi unsur pendidikan, e-dagang, teleperubatan, industri, reka bentuk dan pelancongan selain pusat hiburan digital.

Perjumpaan itu juga bertujuan menerangkan kepada ahli panel mengenai perkembangan E-village selain menganalisis aliran global dan kesan teknologi ke atas industri hiburan dan kandungan. E-Village dilancarkan September lalu oleh Dr Mahathir.

Fasa pertama projek itu membabitkan kos RM400 juta merangkumi studio maya dan bunyi terbesar di Asia yang dilengkapi kemudahan animasi tiga dimensi (3D), kesan khas, peralatan pos produksi serta kemudahan digital.

Fasa kedua yang dijangka membabitkan perbelanjaan RM1.5 bilion, meliputi pembinaan taman maya bertema, bandar popular Asia, kemudahan penginapan, pusat multimedia, pejabat pos produksi dan pusat persidangan manakala fasa ketiga dijadual dibangunkan dua tahun lagi meliputi kawasan riadah serta

pusat beli-belah seni kraf.

E-village yang dibina di tapak seluas 485 hektar di Cyberjaya, dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang 2007.

(END)